

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan untuk menambah baik polisi sedia ada berkaitan system pengangkutan menggunakan "Hydrogen Fuel Cell Technology" di Malaysia dan adakah pihak Kementerian sudi memberi sokongan terhadap langkah Kerajaan Sarawak yang memperkenalkan bas awam menggunakan hidrogen.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan Kelas Lesen Bas Berhenti-Henti (BBH) menggunakan kenderaan "Hydrogen Fuel Cell Technology" yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) telah dipertimbangkan pada 17 Mei 2019 untuk 3 unit kenderaan bagi tujuan kajian dan penyelidikan sahaja sebagai kenderaan perkhidmatan awam selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjadi hub Loji Pengeluaran Hidrogen Bersepadu dan Stesen Pengisian Bahan Api Hidrogen yang pertama di negara ini dan Asia Tenggara secara amnya.
2. Untuk makluman, polisi dan dasar pengeluaran lesen baharu / tambahan bagi Kelas Lesen Bas Berhenti-Henti (BBH) adalah sama dan kekal seperti sedia ada tanpa mengambil kira penggunaan jenis bahan bakar untuk sesebuah kenderaan.
3. Setiap pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi kelulusan penggunaannya di atas jalan raya terlebih dahulu. Kelulusan cetakan lesen untuk Kelas Lesen Bas Berhenti-Henti (BBH) juga tertakluk kepada syarat untuk mengemukakan Laporan Pemeriksaan Kenderaan Puspakom, Perakuan Kenderaan dan Sijil Pemilikan Kenderaan.

Sekian terima kasih.